

Kesedaran Hukum Berkaitan Ihdad Dalam Kalangan Wanita Islam Bekerjaya Di Selangor

Norita Kamaruddin
norita@kuis.edu.my
Zanariah Dimon
zanariah@kuis.edu.my
Maffuza Salleh
maffuza@kuis.edu.my
Naqibah Mansor
mansornaqibah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Dalam fiqh usrah terdapat hukum yang berkaitan iddah dan ihdad terhadap isteri apabila berlaku perceraian atau kematian suami. Konsep iddah dan ihdad dalam Islam tertakluk kepada hukum dan batasan yang tertentu dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dengan berlakunya peredaran masa dan zaman, wanita Islam yang berada dalam tempoh ihdad sering berhadapan dengan pelbagai persoalan yang memerlukan penjelasan terperinci khususnya dalam hal yang melibatkan batas hukum dan adab bagi seorang wanita beriddah dan berihdad. Tambahan pula, dengan tuntutan kerjaya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, ia turut memberi impak dan cabaran terhadap cara dan gaya hidup masyarakat. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti bagaimana wanita bekerjaya melaksanakan hukum ihdad ketika berada tempoh iddah kematian suami. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjelaskan isu-isu semasa berkaitan hukum ihdad pada masa kini. Perbincangan dalam kertas ini adalah berkaitan kesedaran hukum berkaitan ihdad dalam kalangan wanita islam bekerjaya di Selangor Kaedah yang digunakan adalah secara kuantitatif dengan menggunakan metode soal selidik terhadap responden

bagi mengumpulkan data. Diharapkan kajian ini dapat memberi maklumat mengenai tahap kesedaran wanita Islam bekerjaya mengenai hukum yang berkaitan iddah dan ihdad supaya dapatan tersebut dapat mencadangkan satu garis panduan yang komprehensif mengenai ihdad wanita Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Kesedaran, Ihdad, Iddah, Wanita, Bekerjaya

ABSTRACT

In the fiqh of usrah there are laws related to iddah and ihdad for the wife in the event of divorce or death of the husband. The concepts of iddah and ihdad in Islam are subject to certain laws and limitations within a specified period. However, with the passage of time and age, Muslim women who are in the period of ihdad are often faced with various questions that require detailed explanation, especially in matters involving the limits of law and manners for a woman beriddah and berihdad. Furthermore, with the demands of careers, the advancement of information and communication technology today, it also has an impact and challenges on the ways and lifestyles of society. The objective of this study is to identify how working women implement the law of ihdad during the period of iddah of the death of the husband. In addition, this study also aims to clarify current issues related to the law of ihdad today. The discussion in this paper is related to legal awareness related to ihdad among working Muslim women in Selangor. The method used is quantitative by using a questionnaire method for respondents to collect data. It is hoped that this study can provide information on the level of awareness of working Muslim women on the laws related to iddah and ihdad so that the findings can suggest a comprehensive guideline on the ihdad of Muslim women in Malaysia.

Key Words: Awareness, Ihdad, Iddah, Women, Working

1. PENDAHULUAN

Konsep iddah dan ihdad dalam Islam tertakluk kepada hukum dan batasan yang tertentu dalam tempoh yang ditetapkan. Hikmah pensyariatkan hukum iddah selepas pembubaran perkahwinan adalah untuk memastikan kekosongan rahim daripada benih suami terdahulu dan memberi ruang kepada suami kembali rujuk kepada isterinya selepas penceraian. Manakala bagi perempuan yang kematian suami, tempoh ihdad disyariatkan sebagai tempoh berkabung bagi menghormati perkahwinan terdahulu. Sepanjang tempoh iddah tersebut isteri yang kematian suami perlu berihdad sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan isteri kepada suaminya. Walau bagaimanapun, dengan berlakunya peredaran masa dan zaman, wanita Islam yang berada dalam tempoh iddah kematian suami sering berhadapan dengan pelbagai persoalan yang memerlukan penjelasan terperinci khususnya dalam hal yang melibatkan batas hukum dan adab bagi seorang wanita beriddah dan berihdad. Tambahan pula, dengan tuntutan kerjaya, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, ia turut memberi impak dan cabaran terhadap cara dan gaya hidup masyarakat. Dibimbangi, sekiranya tidak dibimbing dan dipandu dengan sebaiknya, masyarakat Islam khususnya dalam kalangan wanita tidak dapat memahami dan menghayati konsep ihdad yang sebenar seperti yang dituntut oleh Islam, bahkan menganggapnya sebagai perkara remeh dan menyusahkan.

Fokus kajian ini untuk mengukur tahap kesedaran wanita Islam bekerja mengenai hukum ihdad semasa tempoh iddah kematian suami. Kajian akan dilaksanakan di negeri Selangor. Pengumpulan data secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Justifikasi pemilihan responden dalam kalangan wanita Islam bekerja adalah kerana golongan ini sangat relevan dan berkait dengan hukum-hukum berkaitan ihdad seperti larangan berhias,

had keluar rumah, batas pergaulan dan sebagainya. Mufti Wilayah Persekutuan dalam Fatwa Irsyad Al-Fatwa ke-154 telah menyatakan bahawa tidak boleh untuk seorang perempuan keluar dari rumahnya ketika sedang ber'iddah kematian suami melainkan terdapat perkara yang darurat ataupun keperluan hajat yang dibenarkan oleh syarak.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Bekerja atau melibatkan diri dalam kerjaya merupakan satu ikhtiar manusia bagi meneruskan hidup dengan lebih sempurna. Islam menyeru umatnya bekerja agar menjauhkan diri dari meminta-minta (Bayan Linnas, 2019). Kedatangan Islam membawa rahmat besar kepada seluruh alam, kaum dan jantina. Wanita diberi hak untuk mendapatkan pendidikan, memilih pekerjaan, menyertai politik, memperoleh pusaka, hak di sisi undang-undang dan hak sivil sesuai dengan sifat wanita.

Tidak dinafikan di Malaysia kini sudah jarang berlaku diskriminasi jantina dalam pekerjaan. Ini kerana wanita juga boleh melakukan kerja dengan baik setanding lelaki (Tajul Ariffin, 1992; Selamat, 2009). Menurut Selvaratnam dan Yeng (2011) antara faktor selain mencari pengalaman baru dan minat yang menggalakkan wanita bekerja fleksibel seperti kerja sambilan, pembantu jualan (*promoter*), pekerja telekomunikasi (*teleworking*) mahupun penjual insurans adalah galakan daripada keluarga dan bertujuan memperoleh pendapatan tambahan. Selain itu, faktor mempengaruhi golongan wanita terlibat dalam pasaran kerja ialah bagi membantu meringankan beban kewangan keluarga dalam memenuhi keperluan harian seisi rumah, kos sara hidup tinggi dan tuntutan bayaran hutang isi rumah memaksa kaum wanita membantu suami mengurangkan beban hutang keluarga (Jumadi, 2020). Oleh kerana taraf hidup kini yang semakin

menuntut keluarga untuk mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, setiap keluarga memerlukan isteri untuk membantu suami daripada aspek ekonomi agar keperluan keluarga dapat dipenuhi (I. Ishak, 2003).

Teknologi dan ekonomi yang semakin berkembang merupakan antara faktor lain yang menyumbang wanita terlibat dalam sektor kerjaya. Perkembangan ekonomi membawa kepada pertambahan bebanan, peranan dan komitmen seorang wanita (Hamzah, Mustari, & Basiron, 2015). Penglibatan wanita dalam usaha memberi sumbangan dan perkhidmatan kepada negara bukan merupakan satu pengorbanan yang kecil. Banyak perkara yang perlu dijaga untuk menyeimbangkan kehidupannya dalam keluarga dan kerjaya (Selvaratnam & Yeng, 2011).

Kini, wanita terus maju dalam kerjaya sehingga mampu menyaingi pekerja lelaki dalam apa jua bidang (Selvaratnam, & Yeng, 2011). Sumbangan wanita mula diiktiraf dan wanita diberikan pendidikan formal malah wanita juga diberi kepercayaan untuk memegang jawatan lebih tinggi dalam sesuatu pekerjaan. Kelayakan wanita untuk menyandang jawatan penting bukan lagi menjadi persoalan (Selamat, 2009). Peranan wanita memberi kemaslahatan bukan sahaja terhadap keluarganya dari aspek membantu meningkat taraf dan kesejahteraan hidup malah memberi sumbangan dan kemaslahatan yang begitu besar buat masyarakat dan negara melalui kerjayanya. Pun begitu, kerjaya bukan menjadi halangan atau sebab wanita culas atau enggan mematuhi hukum ihdad dalam tempoh iddah wafat. Ini kerana tuntutan ihdad merupakan kewajipan syarak ke atas dirinya (Husin, 2014).

Golongan ini adalah sebahagian daripada penggerak pembangunan negara, mereka memerlukan persekitaran, peluang yang sesuai dan diberi pilihan supaya dapat memikul tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan pekerja

(Selamat, 2009). Kebajikan pekerja wanita tidak seharusnya diabaikan memandangkan mereka merupakan individu penting yang banyak berkorban dan memberi sumbangan kepada ekonomi dan pembangunan negara. Pekerja wanita wajar diberi penghargaan dengan pemberian perlindungan yang melibatkan kepentingan ketika bekerja (Selvaratnam, & Yeng, 2011).

Nuraini (2018) menegaskan bahawa masyarakat Islam harus bekerjasama menyiapkan berbagai kemudahan yang membantu wanita bekerjaya memenuhi tanggungjawab diri, keluarga dan kerjayanya. Seperti di jelaskan dalam firman Allah s.w.t dalam surah Al-Taubah 9 : 71:



Maksudnya:

“dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain”

Wanita memainkan peranan yang pelbagai dalam kehidupan berumah tangga mahupun peranan terhadap masyarakat dan negara. Oleh itu, keperluan wanita perlu diutamakan memandangkan mereka bukan sahaja perlu berkhidmat kepada masyarakat malahan mempunyai tugas yang pelbagai dalam kehidupan berumah tangga iaitu sebagai isteri, mengurus keperluan suami dan hal eh wal rumah tangga; sebagai ibu, medidik dan mengasuh anak-anak; sebagai anak kepada orang tuanya dan yang paling utama peranannya sebagai hamba Allah yang perlu dan wajib mematuhi peraturan

dan hukum-hakam ke atasnya yang berubah-ubah mengikut status semasanya.

Islam menggalakkan umatnya untuk bekerja. Namun kewajipan *syariat* perlu diutamakan. Wanita mempunyai keterbatasan tertentu bertujuan menjaga maruah dan keperibadian muslimah. Islam juga telah menggariskan peraturan dan kaedah menghadapi situasi kematian dan tatacara pelaksanaan hukum dalam mengahrunghinya. Wanita kematian suami berkewajipan menjalani tempoh iddah selama empat bulan sepuluh hari serta mematuhi larangan-larangan selama tempoh iddahnya yang dikenali sebagai ihdad atau berkabung.

Terdapat kelonggaran keluar rumah dan berhias ke atas wanita berihdad bagi memenuhi keperluan hariannya dan anak sekiranya mendesak (Husin, 2009; Nuraini, 2018; Kholid, 2015; Husin & Azahari, 2010). Tambahan pula, apabila suami meninggal dunia, tugas dan peranan utamanya semakin bertambah iaitu menyara kelangsungan hidup diri dan anak-anaknya. Di samping itu, kebolehan, kemampuan dan kepakaran wanita bekerjaya ini tidak boleh ditinggalkan sewenag-wenangnya untuk kemaslahatan masyarakat. Penampilan merupakan salah satu perkara yang penting yang perlu dititik beratkan oleh golongan yang bekerjaya. Selain menjaga penampilan untuk mempraktikkan etika kerja, kerjaya yang memerlukan penampilan wanita untuk berhias juga boleh menjadi daya tarik kaum lelaki yang menjadi larangan dalam tempoh ihdad dan menyalahi tujuan ihdad iaitu sebagai menzahirkan rasa kedukaan atas kematian suaminya (Nuraini, 2018).

3. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al., 1996). Melalui kaedah ini juga penyelidik berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine, 1992).

Dalam kajian ini, pemilihan jumlah sampel ini mengambil kira pandangan yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) dan Uma Sekaran (2003) berkenaan bilangan dan formula pemilihan sampel serta mendapati jumlah sampel yang telah dipilih adalah yang terbesar. Jadual pemilihan sampel adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Persampelan Krejcie Morgan berdasarkan populasi

N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	246
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	351
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	181	1200	291	6000	361
45	40	180	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	190	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	200	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	210	132	460	210	1600	310	10000	373
65	56	220	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	230	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	240	144	550	225	1900	320	30000	379
80	66	250	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	260	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	270	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	256	2600	335	100000	384

Note: "N" is population size
"S" is sample size.]

Krejcie, Robert V., Morgan, Daryle W., "Determining Sample Size for Research Activities", Educational and Psychological Measurement, 1970.

Oleh itu, berdasarkan jadual di atas dan dengan mengambil kira populasi wanita Islam bekerjaya di Selangor, jumlah sampel responden yang dipilih adalah sebanyak 384.

Instrumen kajian ini adalah soal selidik. Pengumpulan data dibuat melalui pengedaran borang soal selidik secara rawak kepada responden menerusi borang yang disediakan dalam *Google Form*. Tatacara pengumpulan data adalah dengan perlantikan seorang pembantu penyelidik. Instrumen kajian telah dibina oleh penyelidik dengan pengesahan (*validation*) oleh pakar dalam bidang. Set soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian; iaitu Bahagian A: Maklumat diri, Bahagian B: Kesedaran Hukum Berkaitan Larangan Bagi Isteri Bekerjaya Dalam Tempoh Iddah Kematian Suami (Ihdad), dan Bahagian C: Kesedaran Mengenai Isu Semasa Berkaitan Larangan Bagi Isteri Dalam Tempoh Iddah Kematian Suami (Ihdad).

4. DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapat bahawa kesedaran hukum berkaitan larangan bagi isteri bekerjaya dalam tempoh iddah kematian suami (ihdad). Secara keseluruhannya aspek bahagian ini berada pada tahap **tinggi** dengan nilai min sebanyak **4.49**. Berut adalah

Jadual 2 - Bahagian B: Kesedaran Hukum Berkaitan Larangan Bagi Isteri Bekerjaya dalam Tempoh Iddah Kematian Suami (Ihdad)

Pernyataan/Item	Skala								Tahap MIN
	STS	TS	TP	S	SS	JUM	MIN	SP	
<i>Hukum iddah dalam tempoh iddah kematian suami</i>									
B1. Saya sedar bahawa tempoh iddah bagi isteri yang	.3 (1)	1.3 (5)	3.4 (13)	11.5 (44)	83.6 (320)	95.1 (364)	4.76	.597	Tinggi

kematian suami
adalah 4 bulan 10 hari.

B2. Saya sadar bahawa isteri wajib mematuhi larangan dalam tempoh iddah kematian suami.	.8 (3)	0	2.3 (9)	11.5 (44)	85.4 (327)	96.9 (371)	4.80	.545	Tinggi
---	-----------	---	------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B3. Saya sadar bahawa tujuan isteri mematuhi larangan dalam tempoh iddah kematian suami adalah sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan isteri kepada suaminya.	2.1 (8)	.5 (2)	4.7 (18)	18.0 (69)	74.7 (286)	92.7 (355)	4.62	.782	Tinggi
---	------------	-----------	-------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

Menerima pinangan dan bernikah

B4. Saya sadar bahawa isteri yang kematian suami tidak boleh menerima pinangan daripada mana-mana lelaki dalam tempoh iddah.	0	.3 (1)	1.6 (6)	8.9 (34)	89.3 (342)	98.2 (376)	4.87	.398	Tinggi
--	---	-----------	------------	-------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B5. Saya sadar bahawa isteri yang kematian suami tidak boleh bernikah dalam tempoh iddah.	0	0	.8 (3)	6.3 (24)	93.0 (356)	99.3 (380)	4.92	.296	Tinggi
---	---	---	-----------	-------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

Keluar dari rumah

B6. Saya sadar bahawa isteri yang kematian suami	.5 (2)	.5 (2)	.5 (2)	13.8 (53)	84.6 (324)	98.4 (377)	4.81	.506	Tinggi
--	-----------	-----------	-----------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

dibolehkan keluar rumah sekiranya ada keperluan yang mendesak dalam tempoh iddah.

B7. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan keluar rumah untuk mendapatkan barang keperluan asas dalam tempoh iddah.	1.3 (5)	2.1 (8)	5.0 (19)	14.1 (54)	77.5 (297)	91.6 (351)	4.64	.782	Tinggi
B8. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan keluar rumah untuk bekerja dalam tempoh iddah.	2.6 (10)	1.0 (4)	7.8 (30)	18.0 (69)	70.5 (270)	88.5 (339)	4.52	.885	Tinggi
B9. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan keluar rumah untuk menghadiri majlis keramaian dalam tempoh iddah.	1.0 (4)	.5 (2)	4.7 (18)	9.7 (37)	84.1 (322)	93.8 (359)	4.75	.662	Tinggi
B10. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan	1.6 (6)	2.9 (11)	11.5 (44)	14.1 (54)	70.0 (268)	84.1 (322)	4.48	.917	Tinggi

menunaikan umrah
atau haji dalam
tempoh iddah.

B11. Saya sedar
bahawa isteri yang
kematian suami tidak
dibolehkan keluar
rumah untuk membeli
belah dalam tempoh
iddah.

3.4 (13)	5.2 (20)	8.4 (32)	12.3 (47)	70.8 (271)	83.1 (318)	4.41	1.06	Tinggi
-------------	-------------	-------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B12. Saya sedar
bahawa isteri yang
kematian suami tidak
dibolehkan berpindah
atau tinggal di rumah
lain dalam tempoh
ihdad.

6.5 (25)	7.6 (29)	21.1 (81)	17.5 (67)	47.3 (181)	64.8 (248)	3.91	1.25	Tinggi
-------------	-------------	--------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B13. Saya sedar
bahawa isteri yang
kematian suami
dibolehkan berpindah
atau meninggalkan
rumah sekiranya
terdapat bahaya dan
kemudaratan yang
boleh mengancam
nyawa dan harta
benda dalam tempoh
iddah.

1.0 (4)	.3 (1)	2.3 (9)	14.1 (54)	82.2 (315)	96.3 (369)	4.76	.608	Tinggi
------------	-----------	------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B14. Saya sedar
bahawa isteri yang

1.6 (6)	.5 (2)	4.2 (16)	8.9 (34)	84.9 (325)	93.8 (359)	4.74	.701	Tinggi
------------	-----------	-------------	-------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

kematian suami tidak
dibolehkan keluar
rumah untuk membuat
rawatan kecantikan
dalam tempoh iddah.

B15. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan beriadah di luar kawasan luar rumah dalam tempoh iddah.	2.6 (10)	2.3 (9)	10.4 (40)	14.4 (55)	70.2 (269)	84.6 (324)	4.47	.956	Tinggi
--	-------------	------------	--------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

Berwangi-wangian

B16. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai minyak wangi pada anggota badan dalam tempoh iddah.	1.6 (6)	5.0 (19)	11.7 (45)	11.2 (43)	70.5 (270)	81.7 (313)	4.44	.984	Tinggi
--	------------	-------------	--------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B17. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai minyak rambut berbau wangi dalam tempoh iddah.	3.9 (15)	5.2 (20)	18.3 (70)	14.9 (57)	57.7 (221)	72.6 (278)	4.17	1.13	Tinggi
---	-------------	-------------	--------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

B18. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai losyen berbau wangi pada badan dalam	5.2 (20)	6.3 (24)	19.1 (73)	15.7 (60)	53.8 (206)	69.5 (266)	4.06	1.20	Tinggi
--	-------------	-------------	--------------	--------------	---------------	-----------------------------	-------------	------	--------

tempoh iddah.

Berhias, bersolek dan berdandan

B19. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai barang perhiasan daripada emas, perak dan permata dalam tempoh iddah.	3.4 (13)	5.5 (21)	15.9 (61)	16.4 (63)	58.7 (225)	75.1 (288)	4.21	1.10	Tinggi
B20. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai gincu dalam tempoh iddah.	2.1 (8)	4.7 (18)	16.4 (63)	11.7 (45)	65.0 (249)	76.7 (294)	4.32	1.04	Tinggi
B21. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai pemerah pipi dalam tempoh iddah.	1.8 (7)	3.9 (15)	10.7 (41)	14.9 (57)	68.7 (263)	83.6 (320)	4.44	.958	Tinggi
B22. Saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai celak dalam tempoh iddah.	2.6 (10)	5.0 (19)	15.4 (59)	15.7 (60)	61.4 (235)	77.1 (295)	4.28	1.06	Tinggi
	1.3	4.4	8.9	23.0	62.4	85.4	4.40	.918	Tinggi

B23. Saya sadar bahwa isteri yang kematian suami dibolehkan memakai bedak untuk keselesaan tubuh badan dalam tempoh iddah.	(5)	(17)	(34)	(88)	(239)	(327)				
B24. Saya sadar bahwa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai maskara dalam tempoh iddah.	1.8 (7)	2.3 (9)	9.9 (38)	13.6 (52)	72.3 (277)	85.9 (329)	4.52	.900	Tinggi	
B25. Saya sadar bahwa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai inai dalam tempoh iddah.	2.1 (8)	3.7 (14)	14.1 (54)	14.4 (55)	65.8 (252)	80.2 (307)	4.38	.995	Tinggi	
B26. Saya sadar bahwa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai pakaian yang berwarna warni dalam tempoh iddah.	5.2 (20)	5.2 (20)	20.4 (78)	18.5 (71)	50.7 (194)	69.2 (265)	4.04	1.17	Tinggi	

1 Sangat Tidak Setuju (STS) 2 Tidak Setuju (TS) 3 Tidak Pasti (TP) 4 Setuju (S) 5 Sangat Setuju (SS)

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan responden bagi aspek kesedaran hukum berkaitan larangan bagi isteri bekerja dalam tempoh iddah kematian suami (ihdad). Hasil kajian mendapati keseluruhan 26 item berada pada tahap kekerapan tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa para isteri bekerja mempunyai kesedaran berkaitan larangan dalam tempoh iddah kematian suami (ihdad).

Dalam aspek hukum ihdad dalam tempoh iddah kematian suami, item yang mendapat nilai kekerapan paling tinggi adalah *saya sedar bahawa isteri wajib mematuhi larangan dalam tempoh iddah kematian suami (min 4.80)*, *saya sedar bahawa tempoh iddah bagi isteri yang kematian suami adalah 4 bulan 10 hari (min 4.76)*, dan *saya sedar bahawa tujuan isteri mematuhi larangan dalam tempoh iddah kematian suami adalah sebagai tanda menjaga hak suami dan menzahirkan kesetiaan isteri kepada suaminya (min 4.62)*.

Seterusnya dalam aspek larangan menerima pinangan dan bernikah, item yang nilai kekerapan paling tinggi adalah *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak boleh bernikah dalam tempoh iddah (min 4.92)* dan *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak boleh menerima pinangan daripada mana-mana lelaki dalam tempoh iddah (min 4.87)*.

Bagi aspek larangan keluar dari rumah pula, item yang mendapat nilai kekerapan paling tinggi adalah *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan keluar rumah sekiranya ada keperluan yang mendesak dalam tempoh iddah (min 4.81)*, *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan berpindah atau meninggalkan rumah sekiranya terdapat bahaya dan kemudaratan yang boleh mengancam nyawa dan harta benda dalam tempoh iddah (min 4.76)*, *saya sedar bahawa isteri yang kematian*

suami tidak dibolehkan keluar rumah untuk menghadiri majlis keramaian dalam tempoh iddah (min 4.75), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan keluar rumah untuk membuat rawatan kecantikan dalam tempoh iddah (min 4.74), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan keluar rumah untuk mendapatkan barang keperluan asas dalam tempoh iddah (min 4.64), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan keluar rumah untuk bekerja dalam tempoh iddah (min 4.52), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan menunaikan umrah atau haji dalam tempoh iddah (min 4.48), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan beriadah di luar kawasan luar rumah dalam tempoh iddah (min 4.47), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan keluar rumah untuk membeli belah dalam tempoh iddah (min 4.41), dan saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan berpindah atau tinggal di rumah lain dalam tempoh iddah (min 3.91).

Seterusnya dalam aspek larangan berwangi-wangian, item yang mendapat nilai kekerapan paling tinggi adalah *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai minyak wangi pada anggota badan dalam tempoh iddah (min 4.44), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai minyak rambut berbau wangi dalam tempoh iddah (min 4.17) dan saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai losyen berbau wangi pada badan dalam tempoh iddah (min 4.06).*

Dalam aspek yang terakhir iaitu larangan berhias, bersolek dan berdandan pula, item yang mendapat nilai kekerapan paling tinggi adalah *saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai maskara*

dalam tempoh iddah (min 4.52), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai pemerah pipi dalam tempoh iddah (min 4.44), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami dibolehkan memakai bedak untuk keselesaan tubuh badan dalam tempoh iddah (min 4.40), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai inai dalam tempoh iddah (min 4.38), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai gincu dalam tempoh iddah (min 4.32), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai celak dalam tempoh iddah (min 4.28), saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai barang perhiasan daripada emas, perak dan permata dalam tempoh iddah (min 4.21), dan saya sedar bahawa isteri yang kematian suami tidak dibolehkan memakai pakaian yang berwarna warni dalam tempoh iddah (min 4.04).

Ini bermakna dengan mengambil peratusan antara 64.8 hingga 99.3 peratus, min 3.91 hingga 4.92 sebagai *cut off* indikator tertinggi, maka dapatlah dinyatakan di sini majoriti wanita Islam bekerjaya di Selangor mempunyai kesedaran berkaitan hukum dan larangan dalam tempoh iddah kematian suami (ihdad).

5. PERBINCANGAN

Menurut sebahagian ulama terdapat kelonggaran untuk keluar rumah apabila seseorang wanita itu benar-benar berhajat (al-Husayni, 1994). Diharuskan berpindah dari rumah suaminya ke satu tempat baru yang dikira selamat bagi diri dan hartanya sekiranya diserang musuh atau dihalau oleh tuan rumah (Wazarah al-Awqaf wa al-Syru'un al-Islamiyyah, 1427). Kebiasaannya urusan harian seperti mendapatkan keperluan asasi dan bekerja mencari rezeki dilaksanakan pada siang hari dan malam adalah waktu di rumah untuk

berehat. Maka dengan itu, tidak dibenarkan wanita berihdad untuk keluar pada malam hari melainkan atas urusan yang mendesak (*darurat*) (al-Malbariy 2A08, 3: 532) (Husin, 2009). Selain itu, keperluan wanita yang kematian suami perlu mananggung keperluan diri dan anak kerana terputus nafkah suaminya. Maka dengan ini harus wanita tersebut keluar mencari rezeki atas usahanya sendiri jika tidak ada yang dapat membantunya melainkan dengan cara ini (al-Kasani, 1986)

Perlu difahami urusan yang mendesak bagi memenuhi keperluan harian bagi wanita ihdad. Menurut Yusuf al-Qaradawi dalam fatwanya, tidak dibenarkan wanita yang berihdad keluar rumah untuk menunaikan solat jama'ah di masjid, atau bermusafir bagi menunaikan haji dan umrah kerana ibadah ini boleh berulang tahun demi tahun manakala iddah perlu dihabiskan dalam tempoh empat bulan 10 hari sahaja. Begitu juga pandangan yang dikeluarkan menerusi penulisan Irsyad Fatwa ke 154 oleh mufti Wilayah Persekutuan, S.S. Dr. Zulkifli al-Bakri menetapkan tindakan wanita dalam iddah wafat keluar menunaikan umrah hukumnya haram.

Keharusan keluar rumah juga perlu dipertimbangkan kepentingannya. Keberadaan, fungsi dan peranan wanita yang perlu keluar rumah dalam tempoh ihdadnya adalah diperlukan oleh golongan masyarakat seperti terdapat keperluan untuk menegakkan kebenaran daripada sumpahnya, atau ikrarnya dalam memutuskan keadilan (Ali, 2015), tugasnya sebagai guru bagi memastikan pelajarannya tidak ketinggalan dalam pelajaran mahupun seorang doktor yang diperlukan kepakarannya dalam mengubati pesakit.

Pensyariatan ihdad merupakan satu kewajipan khusus seorang wanita yang kematian suami mengikut syarak. Kewajipan ini dituntut bagi menzahirkan kesedihan dan kedukaannya atas kehilangan nikmat pernikahan. Ini kerana

dalam nikah wanita dilindungi dari fitnah dan dijamin nafkah zahir dan batin oleh suaminya. Walaupun begitu, kedukaan dan kesedihan yang dizahirkan tidaklah sehingga meletakkan wanita pada kedudukan yang begitu teruk dalam tempoh masa yang lama sebagaimana yang diamalkan sewaktu zaman jahiliah sebelum kedatangan Islam yang dibawa Nabi s.a.w.. Kaedah ihdad yang digariskan syarak melarang wanita dari segala bentuk perhiasan sekadar menggambarkan kesedihan yang maan boleh menimbulkan keinginan syahwat lelaki lain yang juga sejajar dengan tujuan iddah bagi perceraian biasa iaitu memastikan kekosongan rahim dan kesucian nasab. Kewajipan ini bukan merupakan tanggungjawabnya kepada suami bahkan ianya merupakan hukum syarak yang wajib ditunaikan.

6. PENUTUP

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan secara umumnya masyarakat Islam mempunyai kesedaran yang tinggi berkaitan kesedaran hukum berkaitan larangan bagi isteri bekerjaya dalam tempoh iddah kematian suami. Wanita bekerjaya tidak lagi menjadi satu kejanggalan pada masa kini yang rata-ratanya terkesan dengan perubahan ekonomi, pemodenan dan kemajuan dunia. Keadaan lebih mendesak apabila wanita hilang tempat bergantung hidupnya apabila kematian suami. Wanita dalam tempoh iddah wafat dan ihdad tidak mempunyai hak untuk mendapatkan nafkah. Wanita tersebut perlu keluar bekerja bagi meneruskan kelangsungan hidup diri dan tanggungannya. Walaupun berkewajipan menjalani ihdad, syariat Islam tidak sekali-kali menindas. Syarak menggariskan peraturan dengan seadilnya.

7. RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr Ibn Su'ud. 1986. *Bada'i' al'Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. Dar Kutub Al-Ilmiah.

Ali, M. A. H. (2015). Iddah Al-Wafat Mafhumaha Wa Ahkamuha fi Syariah Islamiyyah. *Bingol Univeritesi Ilahiyat Fakultesi Dergisi*, 6, 71–100.

Babbie, E. R. 2001. *The Practise of Social Research*. USA: Thompson Learning.

Berenson, M. L. & Levine, D. M. 1992. *Basic Business Statistics: Concepts and Applications*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill (M) Sdn. Bhd.

Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron, B. (2015). Model Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *Sains Humanika*, (4:1), 37–46

Husin, S. N. M. S. (2009). Kefahaman tentang Ihdad di Kalangan Wanita Muslim Bandar Dungun. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 2, 103–126.

Husin, S. N. M. (2014). Tuntutan Beridah dan Berihdad dalam Kalangan Wanita Berkerjaya.

Husin, S. N. M. S., & Azahari, R. (2010). Pendekatan Islam dalam Memelihara Masalah Wanita Selepas Kematian Suami. *Jurnal Syariah*, 18(3), 479–506.

Ishak, I. (2003). Peranan Wanita dalam Institusi Keluarga, 1–12.

Jumadi, A. (2020). Wanita Bekerja Bantu Ringan Beban Kewangan Keluarga. *Berita Harian*.

- Kerlinger, Fred N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. 2nd Ed. New York: Rinchart and Winston.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30. 607-610. California: Sage Journal US.
- Nuraini, D. (2018). *Ihdad bagi Wanita Karir Menurut Pandangan Pengelola PSGA UIN Raden Intan Lampung*. Fakultas Syari'ah Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Othman Talib. (2018). *Analisis Data Kualitatif*.
- Selamat, A. (2009). *Kesamarataan Gender dalam Bidang Industri di Malaysia. Adakah Wanita telah Bersedia?*
- Wahbah Al-Zuhaili. 1989. *Fiqh Islami wa Adillatahu*. Dar al-Fikr. Damsyik.